



MENETAPKAN PIAWAI

# KOD TATAKELAKUAN ETIKA DAN PERNIAGAAN

melakukan perkara yang betul  
menghormati orang lain  
menunjukkan prestasi yang  
cemerlang

**LOCKHEED MARTIN** 

## MENETAPKAN PIAWAI

Dikemas Kini Pada 2025.

Lockheed Martin Corporation  
6801 Rockledge Drive  
Bethesda, MD 20817

©1995-2025. Lockheed Martin Corporation. Hak cipta terpelihara.

1-800-LM ETHIC (1-800-563-8442)

[corporate.ethics@lmco.com](mailto:corporate.ethics@lmco.com)

Corporate Ethics Office  
Lockheed Martin Corporation  
6801 Rockledge Drive, MP-211  
Bethesda, MD 20817

# Senarai Kandungan

## PENGENALAN

Pesan daripada Pengurus Kita, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif .....	i
Nilai Kita .....	1

## PIMPIN DENGAN INTEGRITI

Dukung Tatakelakuan .....	2
Laporkan Pelanggaran .....	3
Sertai Latihan .....	4
Ambil Tindakan .....	5

## HORMATI ORANG LAIN

Toleransi Sifar terhadap Gangguan .....	6
Toleransi Sifar terhadap Diskriminasi .....	7
Dilarang Melakukan Tindakan Balas .....	8
Hormat Privasi .....	9

## TUNJUK CARA KEBERTANGGUNGJAWAPAN

Gunakan Aset dengan Bertanggungjawab .....	10
Simpan Rekod Perniagaan yang Tepat dan Sediakan Maklumat Tepat kepada Khalayak Umum .....	11
Lindungi Maklumat Sensitif .....	12
Kenakan Caj Buruh dan Kos Lain dengan Tepat .....	13
Elakkan Konflik Kepentingan Individu .....	14
Elakkan Konflik Kepentingan dengan Kakitangan Kerajaan .....	15
Elakkan Konflik Kepentingan Organisasi .....	16
Dilarang Terlibat dengan Perdagangan Orang Dalam .....	17

## Jamin Kualiti dan Keselamatan

Produk dan Perkhidmatan Kita .....	18
------------------------------------	----

Gunakan Kecerdasan Buatan dengan Bertanggungjawab .....	19
---	----

## JALANKAN PERNIAGAAN SECARA ADIL

Persaingan Adil .....	20
Mematuhi Undang-Undang Perdagangan Antarabangsa .....	21
Tindakan Pihak Ketiga .....	22
Amalan Rasuah dan Sogokan Tidak Dibenarkan .....	23
Mematuhi secara ketat Semua Undang-Undang Antipakat .....	24
Terima dan Sediakan Budi Bahasa Perniagaan yang Wajar Sahaja .....	25

## PERSEKITARAN KERJA KITA

Persekuturan Kerja yang Selamat dan Sihat .....	26
Pastikan Tempat Kerja Bebas daripada Dadah .....	27
Keselamatan .....	28

## KEWARGANEGARAAN KORPORAT YANG BAGUS

Kelestarian dan Kewarganegaraan Korporat yang bertanggungjawab .....	29
Hormati dan Hargai Hak Asasi Manusia .....	30
Proses Politik .....	31
Siapa Yang Harus Saya Hubungi .....	32
Penerimaan dan Pengakuan .....	34

Di Lockheed Martin, nilai teras kita – adalah untuk melakukan perkara yang betul, menghormati orang lain, dan menunjukkan prestasi yang cemerlang – demi menyatukan kita sebagai sebuah pasukan dan menentukan cara kita beroperasi setiap hari. Membina kepercayaan sesama rakan sekerja, pelanggan dan komuniti kita adalah berlandaskan integriti dan piawaian tinggi yang kita kongsi bersama.

Oleh itu, saya menggalakkan anda untuk membaca dan memahami "Kod Etika dan Tatakelakuan Perniagaan" Lockheed Martin, untuk memberi anda panduan tentang cara kami mengambil tindakan bagi pihak organisasi kita.

Kami mewajibkan semua ahli pasukan untuk mematuhi piawaian, dasar dan prosedur yang sama. Kebanyakan piawaian ini adalah lebih tegas daripada keperluan yang mungkin ditetapkan oleh undang-undang atau kastam tempatan.

Kami juga harap dan menggalakkan anda untuk tampil ke depan bagi melaporkan tindakan atau tingkah laku yang tidak konsisten dengan piawaian kita, sekiranya ada. Anda boleh melaporkan isu tersebut dengan yakin – selepas anda mengetahui bahawa Tatakelakuan kita telah menyatakan dengan jelas bahawa kita mengamalkan dasar toleransi sifar untuk tindakan balas, gangguan, diskriminasi atau amalan rasuah.

Reputasi Lockheed Martin terletak dalam tangan setiap ahli pasukan kita. Jadi, kami ingin mengucapkan terima kasih atas komitmen anda untuk mendukung nilai teras kita. Sekiranya kita bersatu hati sebagai SatuLM, kita boleh memastikan integriti dan reputasi untuk mengejar kecemerlangan dapat terus membimbing kita.

Jim Taiclet  
Pengerusi, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif



# Nilai Kita

## MELAKUKAN PERKARA YANG BETUL

Kami komited untuk mengamalkan piawaian kelakuan beretika yang paling tinggi dalam semua perkara yang kami lakukan.

## MENGHORMATI ORANG LAIN

Kami mengakui bahawa kejayaan kita bergantung pada bakat, kemahiran dan kepakaran pekerja kita.

## MENUNJUKKAN PRESTASI YANG CEMERLANG

Kami memahami kepentingan misi kita dan kepercayaan pelanggan terhadap kita.

### Dasar Utama

- CPS-001 Tatakelakuan Etika dan Perniagaan



# Dukung Tatakelakuan

## KITA MENETAPKAN PIAWAI

- Tatakelakuan Kita mewujudkan prinsip yang mewajarkan kami untuk mengekalkan komitmen kita terhadap amalan perniagaan, yang lazimnya lebih tegas daripada keperluan undang-undang.
- Patuhi undang-undang dan peraturan tersirat serta tersurat yang berkenaan dengan perniagaan kita dan cawangan di negara yang kami beroperasi.
- Bekerjasama dalam **siasatan**.
- Tatakelakuan Kita terpakai pada semua pekerja Lockheed Martin, Lembaga Pengarah kita, perunding, buruh kontrak dan pihak lain yang mewakili atau bertindak bagi pihak Syarikat kita.
- Mana-mana **penepian** Tatakelakuan untuk pegawai eksekutif atau mana-mana ahli Lembaga Pengarah mungkin dan hanya boleh dilakukan oleh Lembaga Pengarah atau Jawatankuasa Lembaga dan mesti diumumkan dengan segera kepada pemegang saham kita pada laman web kita.

## Kenapa Hal Ini Penting?

- Mengekalkan kepercayaan pekerja, pelanggan dan pemegang saham kita adalah penting untuk menjamin kejayaan yang lestari.

## Perkara yang Harus Diberikan Perhatian

- Pelanggaran Tatakelakuan boleh menyebabkan tindakan disiplin diambil hingga termasuk pemecatan.
- Ketua bertanggungjawab atas tindakan yang boleh mempengaruhi pekerja untuk melanggar Tatakelakuan kita.

## Dasar Utama

- CPS-001 Tatakelakuan Etika dan Perniagaan
- CPS-718 Pendedahan kepada Kerajaan Amerika Syarikat
- CRX-021 Siasatan Dalaman



**Siasatan:** Anda mesti memaklumkan Jabatan Undang-Undang, Pejabat Etika atau Keselamatan sekiranya anda mendapati bahawa agensi kerajaan atau mana-mana pihak ketiga sedang menjalankan siasatan atau minta maklumat yang berkenaan dengan kes pelanggaran undang-undang yang disyaki. Kami tidak boleh sesekali memusnahkan atau meminda mana-mana dokumen atau rekod elektronik, menipu atau memberikan maklumat palsu kepada penyiasat atau menghalang pengumpulan maklumat yang berkaitan dengan siasatan atau apa-apa tindakan undang-undang yang dilakukan bagi pihak, atau terhadap Syarikat. Sejauh mana yang mungkin, kami akan bekerjasama dengan agensi kerajaan yang bertanggungjawab untuk menyiasat pelanggaran undang-undang yang disyaki. Sekiranya diarahkan oleh Lockheed Martin, kami akan memberikan kerjasama dalam siasatan yang dijalankan oleh mana-mana kerajaan.

**Penepian:** Tindakan ini dapat mencegah penepian Tatakelakuan daripada disembunyikan daripada khalayak umum dan mematuhi keperluan peraturan Bursa Saham New York (New York Stock Exchange,NYSE) dan peraturan yang serupa di bawah Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa serta Akta Sarbanes-Oxley 2002.

# Laporkan Pelanggaran

## KITA MENETAPKAN PIAWAI

- Ambil tindakan segera untuk membuat laporan pelanggaran Tatakelakuan, dasar atau peruntukan kontrak.

## Kenapa Hal Ini Penting?

- Salah seorang daripada kita mungkin menjadi satu-satunya saksi untuk melihat atau mengesyaki bahawa pelanggaran tatakelakuan mungkin berlaku. Jika kita tidak melaporkannya siapa lagi yang akan melaporkannya?
- Pelaporan yang tepat pada masanya dapat menyelesaikan isu tersebut sebelum isu tersebut menjadi semakin serius.

## Perkara yang Harus Diberikan Perhatian

- Kegagalan untuk melaporkan isu tersebut boleh dianggap sebagai pelanggaran Tatakelakuan ini.

## Dasar Utama

- CRX-021 Siasatan Dalaman

**Membuat Laporan:** Jika anda mempunyai alasan kukuh untuk mempercayai bahawa kelakuan yang mencurigakan atau haram itu wujud, laporkan pelanggaran yang disyaki itu kepada penyelia, pengurus, Rakan Kongsi Perniagaan Sumber Manusia, Pegawai Etika, Undang-Undang, Sekuriti, Siasatan EEO, Persekutuan, Keselamatan & Kesihatan, Kelestarian, Audit Dalaman atau **Jawatankuasa Audit** anda.

Pejabat Etika ada di sini untuk membimbang anda. Anda akan menerima maklumat dan sumber untuk membantu menangani kebimbangan anda:


Nombor Telefon:  
1-800-LM ETHIC (1-800-563-8442)

Apabila anda membuat panggilan dari luar negara A.S., sila dail kod negara asal terlebih dahulu

Alamat E-mel:  
[corporate.ethics@lmco.com](mailto:corporate.ethics@lmco.com)

Alamat Surat-Menyurat:

Pejabat Etika Korporat  
Lockheed Martin Corporation  
6801 Rockledge Drive, MP-211  
Bethesda, MD 20817



**Jawatankuasa Audit:** Pekerja boleh menyampaikan kebimbangan tentang isu perakaunan, kawalan dalam atau pengauditan dan penyerahan sulit atau tanpa nama tentang isu perakaunan atau pengauditan yang mencurigakan kepada Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Lockheed Martin. Sekiranya anda ingin mengemukakan kebimbangan kepada Jawatankuasa Audit, anda boleh berbuat demikian dengan menghubungi Pejabat Etika Korporat dan kebimbangan anda akan disampaikan kepada Pengerusi Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah.

# Sertai Latihan

## KITA MENETAPKAN PIAWAI

- Lengkapkan semua latihan Tatakelakuan Perniagaan yang diperlukan Latihan Pematuhan dan Etika tahunan Latihan Kesedaran.

## Kenapa Hal Ini Penting?

- Latihan boleh mengajar kita cara untuk mengenal pasti dan bertindak balas secara berkesan terhadap situasi yang memerlukan kita untuk membuat keputusan secara beretika.
- Kemukakan akibat sekiranya melanggar pematuhan tatakelakuan.
- Membantu untuk meningkatkan pemahaman kita terhadap topik dalam Tatakelakuan ini.

## Perkara yang Harus Diberikan Perhatian

- Pastikan anda melengkapkan semua latihan yang wajib dijalani sebelum tarikh tamat tempoh.

## Dasar Utama

- CPS-001 Tatakelakuan Etika dan Perniagaan



# Ambil Tindakan

## KITA MENETAPKAN PIAWAI

- Bertindak dengan integriti, tanya soalan sukar dan memahami cara perkataan dan tindakan kita boleh mempengaruhi rakan sekerja dan Syarikat kita.
- Guna, dan galakkan pekerja lain untuk menggunakan Teknik Menyuarkan Nilai Kita bagi membantu mereka mengambil tindakan serta mengamalkan nilai kami.

## Kenapa Hal Ini Penting?

- Walaupun cabaran terhadap nilai kita merupakan kejadian yang biasa berlaku dalam persekitaran kerja, tetapi anda mesti mengatasi cabaran itu.

## Perkara yang Harus Diberikan Perhatian

- Tanda amaran boleh membantu anda mengenal pasti dan membetulkan masalah yang mungkin berlaku sebelum ia menjadi isu yang lebih serius.
- Membuat andaian dan kesimpulan boleh menjelaskan kesaksamaan anda serta menghalang anda daripada membuat keputusan secara beretika.

## Dasar Utama

- CPS-001 Tatakelakuan Etika dan Perniagaan
- CPS-718 Pendedahan kepada Kerajaan Amerika Syarikat
- CRX-021 Siasatan Dalaman

# Teknik Menyuarkan Nilai Kita



**Tanya Soalan**  
Kumpulkan Pelbagai Maklumat



**Dapatkan Data**  
Fokus pada Fakta, Bukan Emosi



**Dapatkan Pandangan Orang Lain**  
Minta Input daripada Sumber Yang Dipercayai



**Rangka Semula Isu tersebut**  
Tawarkan Perspektif yang Berbeza



**Laporkan Pelanggaran**  
Nampak Masalah, Terus Laporkan

# Toleransi Sifar terhadap Gangguan

## KITA MENETAPKAN PIAWAI

- Kelakuan secara fizikal atau secara lisan yang menyinggung perasaan, mencabuli, mengugut, menyeka, merendahkan martabat atau mengancam orang lain adalah dilarang.
- Anda perlu membantu untuk mengekalkan persekitaran kerja yang bebas daripada gangguan fizikal, psikologi, dan gangguan secara lisan mahupun kelakuan penderaan yang lain.

## Kenapa Hal Ini Penting?

- Kejayaan kita amat bergantung pada bakat, kemahiran dan kepakaran semua pekerja.
- Mangsa, begitu juga dengan saksi, gangguan mungkin bergelut untuk menyumbang kepada potensi penuh mereka.

## Perkara yang Harus Diberikan Perhatian

- Berpengetahuan luas tentang kelakuan yang dilarang dengan menyemak dasar.
- Sedar akan tingkah laku sendiri dan cara tindakan, perkataan dan perbuatan anda boleh menjaskano orang lain.
- Gangguan boleh berlaku dalam banyak bentuk, dari dalam dan di luar tempat kerja.
- Jadilah orang yang berani membela keadilan dan campur tangan apabila anda melihat, atau menyedari kelakuan yang bersifat gangguan atau diskriminasi.



## Dasar Utama

- CPS-003 Peluang Pekerjaan Tanpa Diskriminasi dan Sama Rata
- CPS-564 Tempat Kerja yang Bebas Daripada Gangguan
- CPS-734 Membasmi Pemerdagangan Manusia
- CRX-053 Keselamatan Tempat Kerja - Mengkalkan Tempat Kerja yang Selamat dan Penuh Hormat serta Bebas daripada Ancaman dan Keganasan

## CONTOH GANGGUAN SEKSUAL TERMASUK:

- Permintaan seksual yang tidak diingini, termasuk permintaan seksual secara lisan dan ajakan untuk berjhat.
- Menawarkan manfaat pekerjaan sebagai pertukaran untuk menjalinkan hubungan seksual.
- Membuat atau mengancam untuk mengambil tindakan balas selepas permintaan seksual ditolak.
- Melirik atau membuat gerak isyarat seksual.
- Memaparkan objek, gambar kartun, atau poster yang lucu atau berunsur seksual.
- Menggunakan panggilan mesra yang tidak senonoh.
- Penderaan secara lisan terhadap sifat seksual
- Memberikan ulasan secara lisan yang terperinci tentang badan seseorang individu.
- Menggunakan kata-kata berunsur seksual yang menjatuhkan martabat orang untuk menggambarkan seorang individu.
- Surat, nota atau jemputan yang berunsur seksual atau lucu.



# Toleransi Sifar terhadap Diskriminasi

## KITA MENETAPKAN PIAWAI

- Dilarang mendiskriminasikan pekerja atau pemohon kerja berdasarkan sifat yang dilindungi oleh undang-undang atau dasar Lockheed Martin yang berkenaan.
- Patuhi semua dasar dan undang-undang yang berkaitan dengan perekutan, pemilihan, dan aspek lain dalam pekerjaan seperti kenaikan pangkat, penurunan pangkat, pemindahan, henti kerja sementara, pemecatan, pampasan, tahap pendidikan, latihan dan tindakan disiplin.

## Kenapa Hal Ini Penting?

- Memulaukan seseorang berdasarkan sifat yang dilindungi - semata-mata kerana identiti mereka mereka - dianggap sebagai menyalahi undang-undang.

## Perkara yang Harus Diberikan Perhatian

- Mengelakkan stereotaip merupakan bentuk diskriminasi yang boleh merosakkan budaya dan prestasi Syarikat.

## Dasar Utama

- CPS-003 Peluang Pekerjaan Tanpa Diskriminasi dan Sama Rata
- CPS-564 Tempat Kerja yang Bebas Daripada Gangguan
- CPS-734 Membasmi Pemerdagangan Manusia
- CRX-537 Cuti Khidmat Ketenteraan



# Dilarang Melakukan Tindakan Balas

## KITA MENETAPKAN PIAWAI

- Lockheed Martin tidak akan bertoleransi pada tindakan balas terhadap sesiapa yang jujur, membuat pertanyaan, mengambil bahagian dalam siasatan atau melaporkan kes salah laku. Menghubungi Pejabat Etika dengan "Jujur" tidak mengimplikasikan bahawa anda semestinya betul, tetapi menandakan bahawa anda percaya bahawa maklumat yang dibekalkan adalah benar.

## Kenapa Hal Ini Penting?

- Ketakutan untuk dikenakan tindakan balas merupakan salah satu sebab paling umum pekerja tidak berani untuk melaporkan salah laku atau mengambil tindakan.
- Tindakan balas menghancurkan kepercayaan.

## Perkara yang Harus Diberikan Perhatian

- Jika seseorang cuba menghalang anda daripada melaporkan sebuah isu, individu tersebut akan dikenakan tindakan disiplin sehingga dan termasuk pemecatan.
- Tindakan balas boleh berlaku secara tidak ketara, termasuk perubahan dalam pengagihan tugas atau interaksi berkenaan kerja yang kasual, atau berlaku secara terang-terangan. Anda **dilindungi** daripada tindakan balas dari segi undang-undang untuk melaporkan penipuan, pembaziran atau penyalahgunaan kuasa terhadap program kerajaan.

## Dasar Utama

- CPS-001 Tatakelakuan Etika dan Perniagaan
- CPS-003 Peluang Pekerjaan Tanpa Diskriminasi dan Sama Rata
- CPS-564 Tempat Kerja yang Bebas Daripada Gangguan
- CPS-575 Menyediakan Akomodasi yang Munasabah di Tempat Kerja dan untuk Pemohon Kerja



**Dilindungi:** Undang-undang A.S. juga memberikan hak tertentu dan perlindungan daripada tindakan balas kepada setiap pekerja sekiranya pekerja mendedahkan, kepada pegawai kerajaan tertentu atau Jabatan Undang-Undang atau Pejabat Etika, maklumat yang pekerja tersebut percaya dengan alasan kukuh merupakan bukti pembaziran kasar, salah urusan, penyalahgunaan kuasa, atau pelanggaran undang-undang yang berkenaan dengan kontrak, geran, atau dana kerajaan A.S. mahupun bukti mengenai bahaya yang besar dan khusus kepada kesihatan dan keselamatan awam.

Tindakan balas merupakan layanan yang tidak adil atau tidak sewajarnya terhadap seorang pekerja yang melaporkan salah laku, mengemukakan aduan, membantu pekerja lain untuk mengemukakan aduan, mengambil bahagian dalam siasatan dalaman syarikat, atau membuat pertanyaan yang berhubung dengan etika.

# Hormat Privasi

## KITA MENETAPKAN PIAWAI

- Dilarang mengumpul, menyimpan atau mengakses Maklumat Peribadi /Data Peribadi (PI / PD) melainkan untuk tujuan perniagaan yang dibenarkan dan sekiranya anda mempunyai keizinan yang sah.
- Hormati privasi dan maruah semua individu serta lindungi kerahsiaan rekod dan maklumat pekerja.
- Semasa memindahkan PI / PD di luar rangkaian LM (LMI), gunakan alamat e-mel yang selamat dan kaedah pemindahan fail yang diluluskan.

## Kenapa Hal Ini Penting?

- Melindungi PI / PD dapat membina kepercayaan sesama pekerja dan pelanggan.

## Perkara yang Harus Diberikan Perhatian

- Peraturan privasi adalah berbeza mengikut negara.
- Pastikan anda menggunakan petunjuk Maklumat Peribadi / Data Peribadi yang sesuai dalam baris subjek mesej e-mel.
- Pastikan bahawa anda tidak mengongsikan Maklumat Peribadi / Data Peribadi di media sosial atau ruang kerja kolaboratif.
- Data yang didedahkan kepada pihak ketiga harus dihadkan kepada maklumat yang wajib untuk memenuhi persetujuan berkontrak.

## Dasar Utama

- CRX-015 Perlindungan Maklumat Sensitif
- CRX-016 Privasi - Amerika Syarikat
- CRX-017 Perlindungan Data Peribadi - Bukan A.S

## MAKLUMAT PERIBADI / DATA PERIBADI

Maklumat Peribadi (PI) dan Data Peribadi (PD) di Lockheed Martin telah ditakrifkan sebagai apa-apa maklumat yang membolehkan identiti seseorang individu untuk dikenal pasti. PI termasuk Maklumat boleh dikenal pasti untuk individu yang menetap di AS; manakala PD untuk individu yang menetap di luar negara bukan AS.



# Gunakan Aset Dengan Bertanggungjawab

## KITA MENETAPKAN PIAWAI

- Anda bertanggungjawab untuk menggunakan dan melindungi **harta** dan aset Syarikat, dan pelanggan kita dengan betul, serta memastikan harta dan aset tersebut digunakan secara cekap.
- Dilarang membazirkan atau menyalahgunakan aset syarikat dan pelanggan.

## Kenapa Hal Ini Penting?


- Pelanggan mengharapkan kita untuk melindungi sumber yang mereka serahkan kepada kita.
- Penggunaan aset syarikat yang tidak dibenarkan, serta maklumat pihak ketiga yang diserahkan kepada Syarikat, boleh mendatangkan risiko kepada Syarikat dan menjelaskan kewajipan kewajipan kita.
- Penyalahgunaan aset boleh mengakibatkan pelanggaran undang-undang dan kegagalan untuk memenuhi kewajipan kontraktual dan / atau penyelewengan dasar syarikat; kesemuanya boleh mendatangkan kesan yang tidak diingini kepada syarikat dan individu.

## Perkara yang Harus Diberikan Perhatian

- Penyalahgunaan aset Kerajaan A.S. merupakan jenayah persekutuan.
- Aktiviti yang boleh menimbulkan keimbangan termasuk:
  - Menggunakan aset pelanggan untuk apa-apa tujuan yang tidak dibenarkan / diizinkan dengan khusus atau kontraktual.
  - Menghantar / menyimpan / mengendalikan maklumat sensitif pada peranti pengkomputeran peribadi.
  - Menghantar maklumat syarikat kepada alamat e-mel peribadi.
  - Menggunakan item elektronik yang tidak diluluskan untuk menyimpan data di aset syarikat / pelanggan.
  - Menggunakan aset syarikat untuk kegunaan peribadi.
  - Menggunakan kad kredit korporat anda untuk kegunaan peribadi.

## Dasar Utama

- CPS-007 Menggunakan Aset Lockheed Martin Untuk Kegunaan Peribadi
- CPS-037 Menggunakan Pengkomputeran dan Sumber Maklumat Dengan Betul
- CRX-014 Konflik Kepentingan Individu
- CRX-156 Kad Pembelian (P-Kad)
- CRX-253 Media Sosial
- CRX-303 Pemesejan Elektronik
- CRX-325 Perjalanan Perniagaan
- CRX-327 Kad Komersial
- TVL-001 Buku Panduan Perjalanan Perniagaan



**Harta:** Antaranya termasuk sistem komunikasi elektronik, sumber maklumat, bahan, kemudahan dan pelengkap.

# Simpan Rekod Perniagaan yang Tepat dan Sediakan Maklumat Tepat kepada Khalayak Umum

## KITA MENETAPKAN PIAWAI

- Anda perlu menyediakan semua rekod perniagaan dan kewangan dengan jujur dan tepat.
- Jalankan perniagaan secara telus dan tidak mendedahkan maklumat hak milik atau sulit pada masa yang sama.
- Jangan sesekali menyampaikan fakta yang salah atau memalsukan rekod.
- Masukkan semua transaksi perniagaan dengan segera dan tepat ke dalam rekod tempahan dan perniagaan kita.
- Anda mempunyai kewajipan untuk membuat pendedahan tepat kepada khalayak umum dan pemegang saham kita.

## Kenapa Hal Ini Penting?

- Pelanggan, pengawal selia dan pelabur mengharapkan kita untuk mengekalkan integriti rekod kita.
- Permintaan proses perniagaan kompleks yang membolehkan setiap satu daripada kita untuk bergantung pada ketepatan data yang kami sediakan kepada satu sama lain untuk melayan pelanggan kita.
- Menyimpan rekod yang tepat adalah amat penting untuk mencatatkan dan melaporkan transaksi kewangan serta memenuhi kewajipan undang-undang dan peraturan kita.
- Pelabur kita bergantung pada **pendedahan umum** yang tepat.



## Perkara yang Harus Diberikan Perhatian

- Setiap rekod perniagaan yang anda sediakan dapat membantu kita menyediakan pendedahan maklumat yang tepat kepada semua agensi kerajaan dan kawal selia.
- Berhati-hati dengan mana-mana maklumat hak milik atau sulit yang disertakan dalam mana-mana jenis pendedahan umum/komunikasi luaran.
- Menerangkan semua kos, termasuk kos buruh, perjalanan, bahan dan mana-mana perbelanjaan lain dengan betul.
- Sekiranya anda menyediakan rekod perniagaan atau kewangan atau komunikasi umum bagi pihak Syarikat, pastikan bahawa rekod tersebut mengandungi maklumat yang komprehensif, adil, terkini, tepat dan boleh difahami.
- Maklumat harga tidak tepat yang diserahkan dalam usul, laporan perbelanjaan perjalanan perniagaan, atau caj buruh, adalah melanggar dasar dan juga dianggap menyalahi undang-undang.

## Dasar Utama

- CPS-011 Kawalan Dalaman dan Pengurusan Risiko Perusahaan
- CPS-020 Pendedahan Maklumat Material dan Maklumat Kewangan yang Adil kepada Komuniti Pelaburan dan Khalayak Umum
- CPS-201 Pelepasan Maklumat
- CPS-730 Pematuhan Undang-Undang Antirasuah
- CRX-011 Perunding Pembangunan Perniagaan Antarabangsa

**Pendedahan umum:** Sertakan laporan atau dokumen yang dihantar kepada Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa A.S. dan pihak berkuasa kawal selia yang lain serta komunikasi umum yang dilakukan oleh Syarikat, termasuk pembentangan luar.

# Lindungi Maklumat Sensitif

## KITA MENETAPKAN PIAWAI

- Guna, simpan dan lindungi **Maklumat Sensitif** menurut keperluan yang berkenaan.
- Dapatkan keizinan yang sah sebelum mendedahkan atau menerima mana-mana Maklumat Sensitif.
- Dilarang berkongsi Maklumat Sensitif dalam forum yang tidak diluluskan.

## Kenapa Hal Ini Penting?


- Kami menjana, memperoleh, dan mengakses maklumat berharga yang banyak pada setiap hari. Maklumat ini membekalkan kelebihan perniagaan, teknologi dan ekonomi kepada kita dan pelanggan kita; dan juga boleh menjasakan kepentingan keselamatan negara.

## Perkara yang Harus Diberikan Perhatian

- Dapatkan **kelulusan sah** sebelum menerbitkan atau melakukan pembentangan luar tentang Lockheed Martin atau pelanggannya mahupun rakan kongsinya.
- Tanpa mengira tempat kita menjalankan perniagaan, kita wajib mematuhi-undang-undang dan peraturan khusus yang berkenaan dengan isu import / eksport serta keperluan pengendalian dan pelindungan maklumat yang unik.
- Gunakan media sosial dengan bertanggungjawab dan lebih berwaspada untuk melindungi maklumat tentang Syarikat, rakan sekerja anda, pelanggan dandiri anda.
- Syarat perlindungan maklumat akan kekal berkuat kuasa meskipun tempoh pekerjaan atau penglibatan anda dengan Syarikat telah tamat.

## Dasar Utama

- CPS-022 Pembangunan Beretika dan Penggunaan Kecerdasan Buatan
- CPS-201 Pelepasan Maklumat
- CPS-310 Kawalan Perdagangan Antarabangsa dan Pematuhan
- CPS-569 Keselamatan
- CRX-002 Harta Intelektual
- CRX-013 Maklumat Kerajaan dan Pesaing
- CRX-015 Perlindungan Maklumat Sensitif
- CRX-016 Privasi - Amerika Syarikat
- CRX-017 Perlindungan Data Peribadi - Bukan A.S.
- CRX-253 Media Sosial
- CRX-303 Pemesejan Elektronik



**Maklumat Sensitif:** Maklumat dalam mana-mana atau semua kategori ini: Maklumat Peribadi (A.S.), Data Peribadi (Bukan-A.S.), Maklumat Terkawal Eksport, Maklumat Hak Milik Lockheed Martin, Maklumat Hak Milik Pihak Ketiga, Maklumat Terlindung Wakil-Klien dan / atau Hasil Kerja Wakil dan Maklumat Dilindungi.

**Kelulusan Sah:** Untuk memperoleh kelulusan, pekerja A.S. harus melayari alat PIRA (Sistem Pengesahan Kuasa Pelepasan Maklumat Umum di - <https://pira.us.lmco.com>). Bagi pekerja Bukan A.S. pula, mereka harus menghubungi Bahagian Komunikasi untuk mendapatkan wakil hubungan yang sesuai untuk menilai bahan mereka.

# Kenakan Caj Buruh dan Kos Lain Dengan Tepat

## KITA MENETAPKAN PIAWAI

- Patuhi dasar dan prosedur catatan kos buruh yang khusus untuk perniagaan di tempat kerja anda.
- Menerangkan semua kos yang termasuk kos buruh, perjalanan, bahan dan **kos** yang lain.

## Kenapa Hal Ini Penting?

- Pelanggaran amalan mengenakan cas buruh merupakan salah satu dakwaan kes yang paling kerap berlaku di Lockheed Martin.
- Mengenakan cas masa yang salah pada kontrak pelanggan boleh dianggap sebagai penipuan.

## Perkara yang Harus Diberikan Perhatian

- Anda akan bertanggungjawab untuk memastikan bahawa anda mengenakan cas buruh yang tepat.
- Penggunaan alat kerjasama dalam talian / Internet yang berlebihan untuk tujuan bukan kerja boleh mendatangkan kejadian salah caj buruh.
- Mengenakan caj buruh yang tidak tepat atau perbuatan ketua untuk meluluskan / mengarahkan salah caj buruh telah melanggar dasar kita dan boleh dianggap menyalahi undang-undang.



## Dasar Utama

- CMS-505 Catatan dan Pengesahan Kos Buruh Langsung
- CPS-441 Anggaran / Harga Kos
- CPS-730 Pematuhan dengan Undang-Undang Antirasuah
- CRX-325 Perjalanan Perniagaan
- CRX-327 Kad Komersial

**Kos:** Antara kos yang termasuk, tetapi tidak terhad kepada, kerja berkontrak biasa, kerja yang berkaitan dengan penyelidikan dan pembangunan berkontrak biasa serta bida dan aktiviti usul. Hal ini bermakna bahawa transaksi antara pihak Syarikat dengan individu luar serta organisasi telah diperakui dan dijalankan menurut amalan dan prinsip perakaunan yang diterima secara umum di Amerika Syarikat, serta di negara yang kita menjalankan perniagaan.


# Elakkan Konflik Kepentingan Individu

## KITA MENETAPKAN PIAWAI

- Bersikap adil dan saksama dalam semua urusan perniagaan.
- Utamakan kepentingan Lockheed Martin melebihi kepentingan peribadi dalam hal-ehwal yang berkaitan dengan perniagaan Syarikat.
- Elakkan konflik kepentingan sebenar serta aktiviti yang boleh menimbulkan konflik tersebut.
- Dilarang menggunakan kontrak atau jawatan dalam Syarikat untuk memperoleh kepentingan dari luar atau peribadi.
- Harta, maklumat atau peluang Syarikat Kita tidak boleh digunakan untuk manfaat peribadi.
- Kami akan menyediakan dengan segera pendedahan bertulis tentang konflik kepentingan yang sebenar atau mungkin berlaku.

## Kenapa Hal Ini Penting?

- Anda mungkin berpendapat bahawa anda boleh mengimbangi berbilang kepentingan pada masa yang sama dan menyedari bahawa kesetiaan anda telah dibahagikan.



## Perkara yang Harus Diberikan Perhatian

- Dedahkan semua konflik kepentingan yang mungkin berlaku untuk mendapatkan penilaian bebas, benar dan mengambil tindakan peringangan yang sesuai.

## Dasar Utama

- CPS-008 Hadiah, Hospitaliti, Adab Perniagaan Yang Lain, dan Tajaan
- CPS-730 Pematuhan dengan Undang-Undang Antirasuah
- CRX-010 Perunding Pembangunan Perniagaan A.S.
- CRX-011 Perunding Pembangunan Perniagaan Antarabangsa
- CRX-013 Maklumat Kerajaan dan Pesaing
- CRX-014 Konflik Kepentingan Individu

# Elakkan Konflik Kepentingan dengan Kakitangan Kerajaan

## KITA MENETAPKAN PIAWAI

- Patuhi semua undang-undang dan peraturan konflik kepentingan yang melibatkan pengupahan atau pemerolehan perkhidmatan kakitangan kerajaan, yang melibatkan kakitangan ketenteraan.

## Kenapa Hal Ini Penting?

- Kejayaan dan kebolehan kita untuk bersaing adalah bergantung pada faktor memastikan bahawa kita tidak mengupah atau bekerja dengan kakitangan kerajaan semasa atau bekas kakitangan kerajaan dalam cara yang dapat menimbulkan konflik kepentingan sebenar atau tanggapan.
- Sifat maklumat dan kelebihan bersaingan dan / atau butiran maklumat yang dimiliki oleh individu tersebut mungkin mencetuskan konflik.

## Perkara yang Harus Diberikan Perhatian

- Terdapat peraturan untuk menghubungi atau berunding dengan kakitangan kerajaan semasa untuk membincangkan potensi pekerjaan masa depan mereka atau perkhidmatan mereka sebagai perundung atau subkontraktor.
- Sekatan berkenaan dengan peranan atau tanggungjawab mungkin dikenakan terhadap bekas kakitangan kerajaan.



## Dasar Utama

- CPS-008 Hadiah, Hospitaliti, Adab Perniagaan Yang Lain, dan Tajaan
- CRX-014A Konflik Kepentingan - Pekerjaan Kerajaan

**PERHATIAN:** Kakitangan Kerajaan A.S. harus meminta pegawai etika kerajaan mereka untuk [menyemak latar belakang mereka](#) sebelum memohon untuk bekerja.

**Menyemak latar belakang mereka:** Kakitangan Kerajaan A.S. harus meminta pegawai etika kerajaan mereka untuk menyemak latar belakang mereka sebelum memohon untuk bekerja.

Proses ini mungkin melibatkan surat penarikan diri (juga dikenali sebagai surat perlucutan kelayakan) dan surat pandangan etika yang boleh menerangkan mana-mana sekatan atau pengharaman terhadap pekerjaan pascakerajaan yang mungkin diambil oleh mereka.

# Elakkan Konflik Kepentingan Organisasi

## KITA MENETAPKAN PIAWAI

- Elakkan, hilangkan, atau ringankan Konflik Kepentingan Organisasi (OCI).
- Cegah kelebihan persaingan yang tidak adil atau peranan bercanggah yang mungkin merosakkan keobjektifan.

## Kenapa Hal Ini Penting?

- Anda mungkin telah bekerja dengan berbilang wakil pelanggan merentasi pelbagai program yang berbeza.
- Konflik pada satu kontrak kerajaan mungkin menjelaskan keupayaan kita untuk bekerjasama lagi.
- Kegagalan untuk menyaring peluang perniagaan baharu dengan betul boleh mengakibatkan penyingkiran atau kehilangan perniagaan.
- Dasar ditujukan untuk mencegah kelebihan persaingan yang tidak adil dan peranan bercanggah yang mungkin menyebabkan keputusan Syarikat bersifat berat-sebelah.

## Perkara yang Harus Diberikan Perhatian

- Pastikan untuk [melaporkan](#) dan mengekalkan pendedahan mana-mana sekatan OCI.

## Dasar Utama

- CRX-014E Individu dengan Sekatan Konflik Kepentingan Organisasi
- CRX-600 Konflik Kepentingan Organisasi



**Membuat Laporan:** Rujuk CRX-600 untuk mengetahui proses berkenaan dengan penyediaan surat saringan dan pengedarannya menerusi Sistem Pelaporan OCI.

# Dilarang Terlibat dengan Perdagangan Orang Dalam

## KITA MENETAPKAN PIAWAI

- Anda mesti mematuhi semua undang-undang sekuriti yang berkenaan dan mengelakkan diri daripada melakukan perbuatan yang salah.
- Anda dilarang untuk terlibat dengan perdagangan orang dalam, hal ini mengimplikasikan bahawa anda tidak boleh:
  - mendagangkan sekuriti mana-mana syarikat (termasuk Lockheed Martin) apabila anda memiliki maklumat yang material, tidak umum (MNPI) tentang syarikat tersebut,
  - cadangkan (atau berikan "petua") orang lain untuk terlibat dengan perdagangan sedemikian, atau
  - berkongsi MNPI dengan orang lain (termasuk pekerja Lockheed Martin yang lain) melainkan anda diberikan kuasa untuk berbuat demikian.
- Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa anda tidak berkongsi MNPI dengan ahli keluarga anda dan bahawa anda tidak berkongsi MNPI dengan pekerja Lockheed Martin atau pihak ketiga tanpa keizinan yang dinyatakan dengan jelas. Anda perlu bertanggungjawab terhadap tindakan orang lain yang telah memperoleh MNPI daripada anda.

## Kenapa Hal Ini Penting?

- Kepercayaan pelabur terhadap kita dan kepercayaan khalayak umum terhadap pasaran kewangan adalah bergantung pada amanah bahawa keselamatan perdagangan adalah berdasarkan maklumat yang tersedia secara umum.



## Perkara yang Harus Diberikan Perhatian

- Istilah "[sekuriti](#)," "[perdagangan](#)," "[material](#)" dan "[tidak umum](#)" mempunyai definisi undang-undang yang luas dan rumit.
- Sekiranya anda belajar tentang kepentingan maklumat yang berhubung dengan Lockheed Martin atau pihak ketiga sebelum khalayak umum, maklumat tersebut mungkin dianggap sebagai maklumat material yang tidak umum. Mendedahkan maklumat tersebut kepada orang lain boleh dianggap melanggar undang-undang, meskipun anda tidak mendagangkan mana-mana sekuriti berdasarkan maklumat itu.

## Dasar Utama

- CPS-016 Penggabungan, Pemerolehan, Penyahlaburan, Usaha Niaga, dan Pelaburan
- CPS-020 Pendedahan Maklumat Material dan Maklumat Kewangan yang Adil kepada Komuniti Pelaburan dan Khalayak Umum
- CPS-722 Pematuhan Undang-Undang Sekuriti Amerika Syarikat

**Sekuriti:** Sekuriti termasuk saham (umum dan terpilih), unit saham terhad, pilihan saham pekerja, bon, nota, debentur, pilihan jual opsyen beli, atau instrumen yang serupa.

**Perdagangan:** Perdagangan merangkumi semua transaksi dalam sekuriti, termasuk pemindahan dana atau peruntukan semula dana ke dalam atau keluar daripada dana saham Lockheed Martin dalam akaun simpanan, pelan pampasan manfaat atau tertunda; mana-mana pembelian atau jualan saham umum (termasuk hasil jualan saham yang diterima daripada unit saham terhad kepentingan diri); hadiah sekuriti Lockheed Martin sekiranya nilai hadiah telah diwujudkan untuk tujuan cukai pada waktu hadiah tersebut dihasilkan; dan pelaksanaan pilihan saham pekerja. Transaksi tersebut turut merangkumi perdagangan yang dijalankan menurut pesanan had, meskipun pesanan tersebut telah ditempatkan sebelum anda memiliki maklumat material yang tidak umum.

**Material:** Maklumat merupakan "material" sekiranya terdapat kemungkinan besar bahawa seorang pelabur yang munasabah menganggap maklumat itu penting dalam membuat keputusan sama ada untuk mendagangkan sekuriti atau tidak. Kedua-dua maklumat positif dan negatif boleh menjadi "material."

**Tidak umum:** Maklumat akan dianggap "tidak umum" sehingga ia tersebar secara meluas. Hal ini mengimplikasikan bahawa maklumat tersebut telah dilaporkan dalam berita atau disiarkan dalam bentuk pengumuman rasmi malah tersebar untuk tempoh masa yang agak lama di pasaran terbuka, secara peribadi atau dalam pelan syarikat untuk membolehkan maklumat tersebut diserap oleh khalayak umum (biasanya pada hari perniagaan yang seterusnya).

# Jamin Kualiti dan Keselamatan Produk dan Perkhidmatan Kita

## KITA MENETAPKAN PIAWAI

- Komited untuk mencapai jangkaan pelanggan dan syarikat dengan mengenal pasti dan mematuhi dasar dan prosedur yang menjamin Kualiti, Kejayaan Misi, dan Kejuruteraan Keselamatan Sistem sepanjang kitaran hayat produk atau perkhidmatan.
- Bangun dan hantarkan produk serta perkhidmatan berkualiti tinggi yang memenuhi semua piawaian kualiti dan keselamatan yang berkenaan untuk kegunaan cadangan mereka.
- Laksanakan dan ikuti sistem teratur untuk mengukur prestasi dan ketekalan.

## Kenapa Hal Ini Penting?

- Proses jaminan kualiti dapat mengesan dan membetulkan kecacatan untuk memastikan penghantaran produk dan perkhidmatan yang selamat bagi memenuhi semuakeperluan kontraktual, undang-undang dan kawal selia.

## Perkara yang Harus Diberikan Perhatian

- Semua keimbangan kualiti harus diambil secara serius, sama ada dari dalam atau dari luar syarikat, serta diselesaikan dengan sewajarnya.
- Cari peluang untuk terus meningkatkan tahap keselamatan dan kualiti dalam reka bentuk serta pembuatan produk dan perkhidmatan kami.



- Sekiranya terdapat produk dan perkhidmatan yang tidak mematuhi piawai yang dijangkakan, gunakan pendekatan "Nampak Masalah, Terus Laporkan" dan maklumkan ketua anda.

## Dasar Utama

- CPS-002 Kualiti, Kejayaan Misi, dan Keselamatan Sistem

# Gunakan Kecerdasan Buatan dengan Bertanggungjawab

## KITA MENETAPKAN PIAWAI

- Manfaat Kecerdasan Buatan (AI) dapat dikecapi sementara memastikan pemerolehan, pembangunan dan penggunaan dalamnya kita adalah sejajar dengan nilai kita.

## Kenapa Hal Ini Penting?

- Kami mengakui bahawa AI memegang potensi manfaat yang amat besar untuk pelanggan kita dan operasi kita, dan kami berhasrat untuk menjadi peneraju industri teknologi berevolusi ini.
- Akses kepada data dan pengkomputeran-berprestasi tinggi yang semakin meningkat telah melahirkan peluang yang tidak pernah tersedia dahulu dalam industri Alyang sedang mengubah cara syarikat beroperasi dalam semua sektor industri.
- Selaku disiplin yang sedang berevolusi dengan cepat, terdapat risiko yang mesti dipertimbangkan dan diselesaikan dalam reka bentuk dan pelaksanaan sistem AI.
- Terdapat potensi risiko undang-undang yang penting dan berhubung dengan penggunaan model AI pihak ketiga, set alat dan data yang turut berhubung dengan kebergantungan pada AI untuk menjalankantugas dan menjana kandungan.



## Perkara yang Harus Diberikan Perhatian

- Kami telah menubuhkan Jawatankuasa Penasihat Etika Kecerdasan Buatan untuk membangunkan panduan lanjut dan menghakimi kebimbangan yang berkaitan dengan prinsip di atas. Pekerja yang mempunyai kebimbangan tentang kepatuhan kita terhadap Prinsip AI Beretika harus menghubungi Pejabat Etika atau salah seorang ahli Jawatankuasa Penasihat Etika Kecerdasan Buatan.
- Amalkan pembangunan beretika untuk keupayaan AI dan patuhi prinsip kita di bidang yang berkaitan dengan AI seperti pembelajaran mesin, analisis data, dan perlombongan data.
- Hubungi Jawatankuasa Penasihat Etika Kecerdasan Buatan kita untuk menghakimi kebimbangan atau menerima panduan yang berkaitan dengan prinsip AI kita.

## Dasar Utama

- CPS-022 Pembangunan Beretika dan Penggunaan Kecerdasan Buatan

Lockheed Martin berpegang pada prinsip etika yang berikut dalam reka bentuk, pembangunan, kerah tugas, dan penggunaan dalamnya AI:

- Bertanggungjawab
- Saksama
- Boleh Disusur Kembali
- Boleh Dipercayai
- Boleh Ditadbir

Rujuk CPS-022 untuk mendapatkan butiran.

# Persaingan Adil

## KITA MENETAPKAN PIAWAI

- Bersikap adil semasa berurusan dengan pelanggan, pembekal, pesaing dan pekerja.
- Pastikan semua komunikasi dan pernyataan untuk bakal pelanggan, pembekal dan rakan kongsi adalah tepat dan benar.
- Laksanakan semua kontrak dengan mematuhi undang-undang, spesifikasi, keperluan, serta terma dan syarat kontrak.
- Jangan sesekali minta, terima, guna, salin atau agihkan apa-apa maklumat yang bukan hak milik Lockheed Martin secara sah.

## Kenapa Hal Ini Penting?

- Mengkalkulkan piawaian integriti yang tertinggi dalam proses pemerolehan, dan dalam pembidaan atau kontrak rundingan kita adalah penting untuk melaksanakan kontrak, produk dan perkhidmatan yang sedang berjalan dan pada masa akan datang.
- Sekiranya anda menerima maklumat yang tidak sah, atau tidak pasti akan hak undang-undang Syarikat untuk menggunakan atau berkongsi maklumat tersebut, jangan salin, agihkan atau gunakan maklumat tersebut sehingga Jabatan Undang-Undang menyediakan panduan untuk anda.



## Perkara yang Harus Diberikan Perhatian

- Bukan sahaja aktiviti ini akan melanggar dasar, tetapi ia juga dianggap menyalahi undang-undang:
  - Membincangkan, menggunakan, menyalin atau mengagihkan mana-mana maklumat yang tidak sah (terutamanya butiran harga, strategi bida atau maklumat pelanggan yang diperoleh semasa bida atau rundingan mahupun berhubung dengan kehadiran ke ekspo perdagangan, kumpulan industri atau latihan) tanpa mendapatkan bantuan daripada Jabatan Undang-Undang atau Pejabat Etika.
  - Melaporkan mana-mana pertanyaan yang dilakukan kepada kita dan berhubung dengan bidaan kita atau aktiviti rundingan kepada Jabatan Undang-Undang.

## Dasar Utama

- CPS-009 Pengurusan Peluang Perniagaan Baharu
- CPS-441 Anggaran / Harga Kos
- CPS-729 Pematuhan Undang-Undang Antibokot Amerika Syarikat
- CPS-730 Pematuhan dengan Undang-Undang Antirasuah
- CRX-011 Perunding Pembangunan Perniagaan Antarabangsa
- CRX-013 Maklumat Kerajaan dan Pesaing
- CRX-015 Perlindungan Maklumat Sensitif

# Mematuhi Undang-Undang Perdagangan Antarabangsa

## KITA MENETAPKAN PIAWAI


- Patuhi semua undang-undang dan peraturan eksport dan import yang melibatkan pemindahan data teknikal tertentu, pelengkapan dan teknologi antara negara.
- Dilarang terlibat dengan atau menyokong amalan perdagangan antarabangsa yang terbatas atau boikot yang tidak disekat oleh Kerajaan A.S.
- Patuhi undang-undang A.S. dan undang-undang di negarayang kita menjalankan perniagaan.

## Kenapa Hal Ini Penting?

- Pelanggaran Eksport dan import, serta boikot haram, merosakkan kepercayaan dan kelutsinaranyang diperlukan untuk menjalankan urus niaga yang sah dan berjangka panjang.
- Pelanggan menjangkakan persaingan yang adil dan terbuka dalam cara kami berurus niaga di seluruh dunia dengan pesaing, pembekal dan pelanggan.

## Perkara yang Harus Diberikan Perhatian

- Mana-mana permintaan **secara bertulis** atau **secara lisan** dalam bida dan usul untuk mematuhi boikot yang tidak disekat oleh Kerajaan A.S merupakan bendera merah boikot dan mesti dilaporkan dengan segera kepada Penasihat Undang-Undang Elemen anda, meskipun Lockheed Martin telah membuat keputusan untuk tidak meneruskan dengan bida / usul tersebut.
- Negara A.S. mengekalkan sekatan atau embargo yang melarang penglibatan dalam aktiviti perniagaan khusus di negara tertentu, begitu juga dengan individu dan entiti yang tertentu. Sebagai contoh, undang-undang A.S. melarang interaksi dengan negara dan pertubuhan pengganas yang telah dikenal pasti.



## Dasar Utama

- CPS-310 Kawalan Perdagangan Antarabangsa dan Pematuhan
- CPS-729 Pematuhan Undang-Undang Anti boikot Amerika Syarikat
- CRX-015 Perlindungan Maklumat Sensitif

**Secara bertulis atau secara lisan:** Antaranya termasuk bahasa kontrak yang eksplisit atau tidak ketara seperti, "Penjual bersetuju untuk mematuhi peraturan Boikot Israel dengan sepenuhnya dan memperakui bahawa pelengkapan yang akan dibekalkan di bawah kontrak ini tidak berasal dari negara Israel..." atau, "Pakar Penjual harus mematuhi semua peraturan dan undang-undang Negara X."

# Tindakan Pihak Ketiga

## KITA MENETAPKAN PIAWAI

- Dilarang terlibat dengan pihak ketiga untuk menjalankan perniagaan dalam cara yang bertentangan dengan undang-undang atau dasar kita yang akan memintasi nilai dan prinsip kita.
- Sediakan latihan kepada pihak ketiga tertentu tentang nilai etika, dasar dan keperluan pematuhan kita.

## Kenapa Hal Ini Penting?

- Tindakan pihak ketiga yang menjalankan perniagaan bagi pihak kita boleh mempengaruhi reputasi kita.
- Tindakan salah yang dijalankan bagi pihak kita boleh menyebabkan Syarikat atau pekerja yang berurusan dengan pihak ketiga tersebut disabitkan kesalahan jenayah atau menanggung liabiliti sivil.
- Kita perlu bertanggungjawab atas tindakan oleh mana-mana pihak yang menjalankan perniagaan bagi pihak kita.



## Perkara yang Harus Diberikan Perhatian

- Pastikan bahawa semua pihak ketiga, termasuk perunding pembangunan perniagaan dan kontraktor bebas, memahami dan mematuhi kewajipan mereka untuk bertindak menurut undang-undang dan peraturan yang berkenaan serta keperluan Syarikat untuk menjalankan perniagaan.
- Pastikan bahawa perunding, wakil dan pihak ketiga memperakui bahawa mereka akan mematuhi, dan bertindak menurut, keperluan Syarikat untuk menjalankan perniagaan bagi pihaknya.

## Dasar Utama

- CPS-008 Hadiah, Keraian, Budi Bahasa Perniagaan Lain dan Tajaan
- CPS-113 Pemerolehan Barang dan Perkhidmatan
- CPS-716 Pematuhan dengan Akta Antisogokan 1986
- CPS-730 Pematuhan dengan Undang-Undang Antirasuah
- CPS-734 Membasmi Pemerdagangan Manusia
- CRX-010 Perunding Pembangunan Perniagaan A.S.
- CRX-011 Perunding Pembangunan Perniagaan Antarabangsa
- CRX-025 Perjanjian Sepakat
- CRX-106 Pengurusan Subkontrak Penting
- CRX-126 Pencegahan Pemalsuan

# Amalan Rasuah dan Sogokan Tidak Dibenarkan

## KITA MENETAPKAN PIAWAI

- Dilarang menawarkan, memberikan, meminta atau menerima mana-mana bentuk rasuah atau **sogokan**.
- Jauhkan diri daripada mana-mana penglibatan perniagaan yang boleh melanggar mana-mana undang-undang antirasuah atau Tatakelakuan kita, atau perniagaan yang boleh mendatangkan persepsi salah laku.

## Kenapa Hal Ini Penting?

- Amalan rasuah** akan mencipta persaingan tidak adil, meningkatkan kos dan mengancam kualiti dan keupayaan produk dan perkhidmatan kita.
- Merasuah**, termasuk cubaan untuk memberi rasuah, adalah menyalahi undang-undang dan memadai untuk menyebabkan anda didakwa di bawah undang-undang A.S. dan negara lain.
- Menjalankan perniagaan yang mempunyai bayangan salah laku boleh mendatangkan kerosakan pada reputasi yang tidak dapat ditebus, serta tindakan undang-undang terhadap perniagaan kita seperti, denda wang yang banyak dan pengantungan lesen perniagaan.

**Sogokan:** Sogokan merupakan apa-apa jenis bayaran wang, yuran, komisen, kredit, hadiah, upah, benda berharga, pinjaman, hiburan, perkhidmatan atau pampasan dalam apa jua bentuk, yang diberikan secara langsung ataupun tidak, kepada mana-mana kontraktor utama, pekerja kontraktor utama, subkontraktor atau pekerja subkontraktor untuk tujuan mendapatkan atau sebagai ganjaran untuk layanan istimewa berkeraan dengan kontrak utama dengan A.S. atau subkontrak yang berkeraan dengan kontrak utama dengan A.S.

**Amalan Rasuah:** Amalan rasuah merupakan kelakuan yang menyalahi undang-undang, haram atau salah yang bertujuan untuk memperoleh manfaat dan merangkumi perbuatan merasuah, penipuan, pemerasan, pencurian, penyalahgunaan kuasa dan pengubahan wang haram.

**Merasuah:** Merasuah merupakan tindakan secara langsung atau tidak langsung untuk membayar, berjanji, memberi, menawarkan atau meluluskan untuk memberikan apa-apa yang bernilai kepada sesiapa sahaja untuk mencapai tujuan bagi mempengaruhi orang tersebut supaya beliau menyalahgunakan kuasa jawatannya.

**Bendera merah:** "bendera merah" merupakan fakta, peristiwa atau siri kejadian mahupun maklumat yang boleh menunjukkan kebimbangan pematuhan undang-undang yang mungkin berlaku untuk amalan perniagaan yang menyalahi undang-undang atau tidak beretika, khususnya amalan yang berkeraan dengan amalan rasuah dan pelanggaran undang-undang antirasuah.

## Perkara yang Harus Diberikan Perhatian

- Reputasi parti yang buruk, perkaitan dengan pegawai kerajaan dan pegawai sektor awam, keadaan yang mencurigakan atau luar biasa, pampasan luar biasa dan perakaunan atau invois yang mencurigakan, atau keupayaan yang tidak mencukupi merupakan **bendera merah**.
- Penyataan seperti; 'itulah cara kita melakukan perniagaan di sini', 'itulah amalan semua', 'anda perlu buat begitu untuk mendapatkan kontrak ini', atau 'ini merupakan amalan biasa di negara ini' juga merupakan larangan.

## Dasar Utama

- CPS-008 Hadiah, Keraian, Budi Bahasa Perniagaan Lain dan Tajaan
- CPS-021 Kewarganegaraan Korporat Baik dan Menghormati Hak Asasi Manusia
- CPS-310 Kawalan Perdagangan Antarabangsa dan Pematuhan
- CPS-730 Pematuhan dengan Undang-Undang Antirasuah
- CRX-011 Perunding Pembangunan Perniagaan Antarabangsa
- CRX-015 Perlindungan Maklumat Sensitif



# Mematuhi secara Ketat semua Undang-Undang Antipakat

## KITA MENETAPKAN PIAWAI

- Dilarang memasuki aturan perniagaan yang menyingkirkan atau tidak menggalakkan persaingan atau memberi kita kelebihan persaingan yang tidak adil.

## Kenapa Hal Ini Penting?

- Undang-undang Antipakat diamalkan di seluruh dunia dan melindungi perdagangan dan perdagangan daripada sekat yang menyalahi undang-undang danmonopoli, atau amalan perniagaan yang tidak adil, melindungi pelanggan, Lockheed Martin dan rakan kongsi perniagaan kita.

## Perkara yang Harus Diberikan Perhatian

- Perbincangan atau persetujuan dengan pesaing atau rakan kongsi untuk memperuntukkan bida, kontrak, pelanggan, pasaran atau wilayah, atau menyetarakan harga atau mengehadkan bekalan produk atau perkhidmatan.

## Dasar Utama

- CPS-720 Pematuhan dengan Undang-Undang Antipakat



Peraturan Antipakat telah diaplikasikan dalam lebih banyak bidang daripada yang anda sangkakan. Undang-undang ini mewajibkan anda untuk mengelakkan aktiviti dan perbincangan perniagaan yang tertentu. Antara contoh yang dipilih daripada dasar termasuklah:

- Penetapan harga.
- Boikot pembekal atau pelanggan.
- Penentuan harga yang bertujuan untuk membuat pesaing muflis.
- Memperkecilkan, menyalahgambarkan atau mengganggu pesaing.
- Berpakt dengan syarikat lain untuk menghasilkan hasil persaingan yang lebih kurang untuk pelanggan atau menghalang kemasukan pesaing ke dalam pasaran.
- Mengehadkan pengupahan pekerja atau gaji pekerja bersama pesaing atau pembekal.
- Membuat perjanjian atau persepakatan dengan pesaing untuk membahagikan pasaran dengan memperuntukkan, bida, kontrak, wilayah atau pasaran atau mengehadkan pengeluaran atau jualan produk atau siri produk.
- Mengadakan syarat jualan untuk sejenis produk/perkhidmatan pada jualan produk atau perkhidmatan lain.
- Mengadakan syarat jualan atau pembelian produk atau perkhidmatan yang memaksa penjual atau pembeli untuk tidak menjalankan urus niaga dengan pesaing Syarikat.

# Terima dan Sediakan Budi Bahasa Perniagaan yang Wajar Sahaja

## KITA MENETAPKAN PIAWAI

- Elakkan persepsi bahawa layanan yang menguntungkan telah diminta, diterima atau diberikan.
- Pastikan bahawa mana-mana budi bahasa perniagaan yang ditawarkan atau diterima adalah dibenarkan oleh undang-undang dan dasar.

## Kenapa Hal Ini Penting?

- Apabila individu bertukar hadiah atau **budi bahasa perniagaan**, tindakan ini boleh mencipta persepsi bahawa pilih kasih diberikan untuk mempengaruhi pertimbangan perniagaan.
- Anda akan bersaing atas dasar merit produk dan perkhidmatan kita dan tidak memberikan budi bahasa perniagaan untuk mendapatkan kelebihan persaingan yang tidak saksama.
- Dapatkan produk dan perkhidmatan secara adil untuk mengelakkapenerimaan budi bahasa perniagaan yang mungkin menyebabkan persepsi hubungan perniagaan yang tidak wajar.



## Perkara yang Harus Diberikan Perhatian

- Peraturan kompleks dan had kewangan akan terpakai apabila berurusan dengan Pegawai Awam. Rujuk dasar dan dapatkan panduan sekiranya anda tidak pasti sama ada tindakan tersebut adalah wajar atau berada di dalam had yang dibenarkan.
- Memahami bahawa hubungan perniagaan melibatkan mana-mana individu atau kumpulan yang menjalankan perniagaan bersama atau yang menjadi sasaran kita untuk menjalankan perniagaan bersama atau yang ingin menjalankan perniagaan dengan kita.
- Kami telah menubuhkan ambang yang khusus mengikut negara, dibenarkan dan tidak akan melebihi had tanpa kebenaran terdahulu.
- Bukan sahaja nilai budi bahasa perniagaan itu penting. Tindakan ringkas untuk menawarkan, memberikan atau menerima mana-mana budi bahasa perniagaan, mahupun persepsi terhadap niat untuk memperoleh kelebihan perniagaan secara haram, adalah menyalahi undang-undang atau tidak beretika.
- Tiada tajaan yang boleh dilakukan secara langsung atau tidak langsung untuk menjalankan perniagaan pada masa akan datang dengan niat untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan, mendapatkan kelebihan secara haram atau memujuk seseorang untuk menyalahi undang-undang.
- Pekerja Operasi Rantaian Bekalan Global dan pekerja lain yang terlibat dalam proses penghalaan perniagaan atau dana kepada perniagaan kita perlu mematuhi piawai yang lebih tinggi.
- Memberikan wang tunai, pengganti wang tunai atau kad hadiah untuk tujuan hubungan perniagaan adalah dilarang.



## POKOK PEMUTUSAN HADIAH

Pokok Pemutusan Hadiah merupakan alat untuk membantu anda membuat keputusan tentang tindakan yang mungkin melibatkan hadiah, hospitaliti, budi bahasa perniagaan lain dan tajaan.

## Dasar Utama

- CPS-008 Hadiah, Keraian, Budi Bahasa Perniagaan Lain dan Tajaan
- CPS-716 Pematuhan dengan Akta Antisogokan 1986
- CPS-730 Pematuhan dengan Undang-Undang Antirasuah
- CRX-010 Perunding Pembangunan Perniagaan A.S.
- CRX-011 Perunding Pembangunan Perniagaan Antarabangsa

**Budi Bahasa Perniagaan:** Budi bahasa perniagaan merupakan mana-mana barang berharga yang nyata atau tidak nyata di mana nilai pasaran yang berpatutan tidak dibayar oleh penerima.

# Persekutuan Kerja yang Selamat dan Sihat

## KITA MENETAPKAN PIAWAI

- Sediakan persekitaran kerja yang selamat dan selamat serta beroperasi dengan cara yang dapat melindungi persekitaran, memelihara sumber alam semula jadi dan mengelakkan pencemaran.
- Berhenti segera sekiranya anda mengenal pasti benda yang tidak selamat dan dapat membahayakan persekitaran kerja.

## Kenapa Hal Ini Penting?

- Sama ada bekerja di syarikat atau di rumah, adalah penting bahawa tempat kerja kita selamat dan boleh memanfaatkan kesejahteraan peribadi dan persekitaran kita.

## Perkara yang Harus Diberikan Perhatian

- Laporkan mana-mana pelanggaran terhadap amaran, prosedur dan peraturan yang telah disiarkan.
- Mana-mana kemalangan, kecederaan atau insiden yang hampir berlaku semasa bekerja, atau mana-mana kebimbangan berkaitan dengan persekitaran, keselamatan atau kesihatan mesti dilaporkan dengan segera.

## Dasar Utama

- CPS-015 Persekutuan, Keselamatan dan Kesihatan (ESH)



## KESELAMATAN ADALAH KEUTAMAAN



## Gunakan IDEA

- ID (Kenalpasti): menilai keadaan untuk mengenal pasti risiko keselamatan
- E (Menilai): menentukan tindakan terbaik yang harus diambil untuk menyelesaikan risiko ini
- A (Bertindak): memaklumkan atau melaporkan kebimbangankeselamatan anda kepada rakan sekerja dan ketua anda, dan kurangkan risiko tersebut

# Pastikan Tempat Kerja Bebas daripada Dadah

## KITA MENETAPKAN PIAWAI

- pemilikan, penggunaan, penjualan, pengeluaran, pemindahan, perdagangan haram atau keadaan di bawah pengaruh dadah haram, atau penyalahgunaan dadah yang dibenarkan, di tempat kerja atau semasa berurus niaga bagi pihak syarikat, adalah dilarang.
- Keadaan mabuk di bawah pengaruh minuman beralkohol di tempat kerja atau mana-mana lokasi lain semasa kita berurus niaga bagi pihak Syarikat adalah dilarang.
- Pematuhan dengan Akta Tempat Kerja Bebas daripada Dadah 1988 dan undang-undang serta peraturan persekutuan, negara dan tempatan yang berkenaan dengan pelanggaran statut jenayah dadah di tempat kerja adalah wajib.
- Kita takkan mengupah atau mengupah semula dengan sengaja individu yang memiliki, menggunakan, menjual, menghasilkan, menyeludup, atau mendagangkan dadah yang haram.

## Kenapa Hal Ini Penting?

- Menggunakan bahan haram boleh membawa kesan yang negatif kepada kebolehan anda untuk melakukan kerja dengan selamat, kekal produktif dan mendapatkan atau mengekalkan pelepasan keselamatan atau pekerjaan berterusan.



## Perkara yang Harus Diberikan Perhatian

- Inisiatif negeri dan tempatan untuk membenarkan penggunaan marijuanna untuk tujuan perubatan / atau rekreasi tidak mengubah kewajipan Lockheed Martin sebagai kontraktor persekutuan untuk mengekalkan tempat kerja yang bebas daripada dadah.
- Berada "di bawah pengaruh" tidak semestinya bermaksud anda berada di atas sekat undang-undang.
- Jika anda atau rakan sekerja anda mengalami isu kebergantungan dadah atau alkohol, manfaatkan sumber syarikat untuk mendapatkan bantuan.

## Dasar Utama

- CRX-525 Persekutuan yang Bebas daripada Tembakau dan Rokok
- CRX-545 Tempat Kerja yang Bebas daripada Dadah

# Keselamatan

## KITA MENETAPKAN PIAWAI

- Lindungi warga, operasi dan aset kita.
- Ambil tindakan untuk mengurangkan ancaman terhadap keselamatan pekerja.
- Lindungi semua bahan sulit dan maklumat lain yang diamanahkan kepada kita.
- Patuhi dan cuba melebihi keperluan dasar keselamatan pelanggan dan negara.
- Senggarakan program pengesanan risik balas dan ancaman orang dalam yang khas.
- Gunakan proses penyiasatan keselamatan yang menyeluruh dan berobjektif.

## Kenapa Hal Ini Penting?

- Pematuhan keselamatan akan memanfaatkan Syarikat, pelanggan, keselamatan negara dan kestabilan global kita.
- Kepatuhan kita terhadap keperluan keselamatan dapat menyokong prestasi kontrak dan membolehkan produk dan perkhidmatan kita untuk dihantar tanpa dijejaskan.
- Program keselamatan yang kuat dapat memelihara persekitaran yang selamat untuk tenaga kerja kita.
- Kita merupakan sasaran utama untuk ramai pelakon ancaman yang cuba memperoleh maklumat atau merosakkan / memusnahkan keupayaan kita.



## Perkara yang Harus Diberikan Perhatian

- Anda mungkin antara orang pertama untuk menyedari perubahan yang merisaukan dalam kelakuan rakan sekerja, atau aktiviti mencurigakan atau luar biasa, seperti pertanyaan atau permintaan untuk mendapatkan maklumat daripada sumber luar yang berkenaan dengan warga syarikat, kemudahan, operasi, program atau produk. Anda memikul tanggungjawab untuk melaporinya.
- Pastikan bahawa akses yang tidak diizinkan kepada maklumat atau aset telah dilaporkan.
- Ancaman keselamatan e-mel boleh mengandungi rujukan yang nampak sah untuk memperdayakan anda untuk mengingatkan bahawa e-mel tersebut dihantar daripada sumber yang sah.

## Dasar Utama

- CPS-569 Keselamatan
- CRX-052 Pengurusan Krisis
- CRX-053 Keselamatan Tempat Kerja - Mengekalkan Tempat Kerja yang Selamat dan Penuh Hormat serta Bebas daripada Ancaman dan Keganasan
- CRX-055 Perjalanan atau Penugasan ke Lokasi Berisiko Tinggi
- CRX-056 Operasi Keselamatan Antarabangsa
- CRX-057 Perkhidmatan Keselamatan Perusahaan
- CRX-059 Program Pengesanan Ancaman Orang Dalam

# Kelestarian dan Kewarganegaraan Korporat yang Bertanggungjawab

## KITA MENETAPKAN PIAWAI

- Menggalakkan inovasi, integriti dan keselamatan merentasi platform dan perkhidmatan kita.
- Memaksimumkan sumbangan positif produk dan perkhidmatan kita terhadap kebingkasan alam sekitar, ekonomi, pembangunan komuniti dan infrastruktur.
- Cuba mengelakkan dan meminimumkan kesan negatif aktiviti perniagaan merentasi rangkaian nilai penuh.
- Beroperasi dalam cara yang dapat melindungi persekitaran serta manusia, dengan memelihara sumber alam semula jadi, mencegah pencemaran dan memastikan pelaksanaan amalan perniagaan beretika.

## Kenapa Hal Ini Penting?

- Mendorong daya mampu milik, pengurangan risiko dan inovasi sepanjang strategi perniagaan kita dan rangkaian nilai kita.
- Menjamin daya saing berjangka panjang untuk perniagaan kita dan kesihatan komuniti serta planet kita.
- Meningkatkan kerjasama antara pelanggan dan pemegang saham.
- Menunjukkan komitmen dan menggalakkan matlamat yang sejajar dengan nilai pekerja.



## Dasar Utama

- CPS-021 Kewarganegaraan Korporat Baik dan Menghormati Hak Asasi Manusia
- CPS-803 Kelestarian
- CRX-202 Sekatan terhadap Penggunaan Bahan Kimia dalam Produk dan Proses
- CRX-350 Tenaga

# Hormati dan Hargai Hak Asasi Manusia

## KITA MENETAPKAN PIAWAI


- Menghormati hak asasi manusia merupakan elemen penting untuk menjadi seorang warga korporat yang baik.
- Kepentingan hak asasi manusia merentasi dunia, termasuk:
  - Melayani pekerja dengan rasa hormat.
  - Mempromosikan pekerjaan yang bertanggungjawab serta amalan gaji & jam bekerja yang adil.
  - Menyediakan gaji yang adil dan berdaya saing.
  - Melarang gangguan, kes buli, diskriminasi, penggunaan buruh kanak-kanak atau buruh paksa, atau pemerdagangan manusia untuk apa-apa tujuan.
- Pekerja boleh menggunakan hak perkaitan bebas mereka dan untuk memilih atau tidak memilih pernyataan tawar-menawar kolektif.
- Pekerja dan pembekal mesti mengambil langkah yang sewajarnya untuk menjamin hak asasi manusia dihormati dalam perniagaan kita.
- Kita berpegang pada amatan hak asasi manusia dalam hubungan kita dengan pemegang saham dan menerusiproduk dan perkhidmatan kita.

## Kenapa Hal Ini Penting?

- Melindungi dan mengembangkan hak asasi manusia:
  - Mengelakkan komitmen kita terhadap integriti dan nilai teras kita.
  - Mempromosikan kepuasan dan produktiviti pekerja.
  - Meningkatkan daya saing perniagaan kita.
- Pemerdagangan manusia dan amalan perhambaan merupakan isu yang membenggu seluruh dunia, dan sekiranya kita tidak berwaspada, kita mungkin terlibat dengan pihak ketiga yang melanggar prinsip ini tanpa disedari. **Perkara yang Harus Diberikan Perhatian**
- Kelakuan atau aktiviti yang mencurigakan mungkin menandakan berlakunya pelanggaran hak asasi manusia.

## Dasar Utama

- CPS-001 Tatakelakuan Etika dan Perniagaan
- CPS-003 Peluang Pekerjaan Tanpa Diskriminasi dan Sama Rata
- CPS-021 Kewarganegaraan Korporat Baik dan Menghormati Hak Asasi Manusia
- CPS-730 Pematuhan dengan Undang-Undang Antirasuah
- CPS-734 Membasmi Pemerdagangan Manusia
- CPS-803 Kelestarian



# Proses Politik

## KITA MENETAPKAN PIAWAI

- Patuhi dasar korporat dan undang-undang berkenaan proses politik di semua negara yang kita menjalankan perniagaan.
- Dukung semua undang-undang tersirat dan tersurat yang berkenaan dengan penyertaan kita dalam proses politik.

## Kenapa Hal Ini Penting?

- Undang-undang berkenaan dengan sumbangan politik dan melobi adalah amat rumit.
- Walaupun berlakunya pelanggaran yang tidak sengaja boleh mengakibatkan kehilangan peluang perniagaan, kerosakan pada reputasi kita dan penalti sivil dan jenayah.



## Perkara yang Harus Diberikan Perhatian

### ■ TERLARANG

- Penggunaan mana-mana dana, aset atau kemudahan Lockheed Martin untuk manfaat parti politik atau calon politik di mana-mana bahagian dunia tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu.

### ■ KITA MENYOKONG PROSES POLITIK

- Banyak negara, di samping Amerika Syarikat, mungkin melarang sumbangan politik korporat. Tindakan ini mungkin merangkumi sumbangan dana, barang atau perkhidmatan korporat, secara langsung atau tidak langsung, kepada calon politik, termasuk masa bekerja perunding atau pekerja.
- Undang-undang tempatan dan negara mungkin mengehadkan sumbangan dan aktiviti politik korporat.

### ■ SENTIASA BERWASPADA

- Jawatan Awam - Konflik kepentingan boleh berlaku jika anda bertanding atau memegang jawatan awam atau berkhidmat dengan suruhanjaya atau kumpulan penasihat.
- Melobi - Melobi boleh dilakukan secara langsung atau tidak langsung, tetapi apa juaranya, perbuatan tersebut dipantau dengan teliti dan mesti mematuhi dasar.
- Cabangan Kongres dan Eksekutif A.S. - Pentinguntuk Lockheed Martin menampilkan hanya satumesej perniagaan yang konsisten kepada komuniti pelanggan kita yang menetap di A.S. Hal-Ehwal Kerajaan bekerjasama dengan pelbagai bidang perniagaan untuk membangunkan pendekatan bersepadau Syarikat bagi.-inisiatif dan dasar pemasaran yang berpusat di A.S., serta strategi peraturan dan undang-undang. Atas sebab ini, Hal Ehwal Kerajaan mesti meluluskan apa-apa jenis interaksi dengan ahli Kongres atau pegawai Cabang Eksekutif A.S.di Washington, D.C. atau pekerja dan kakitangan mereka.

- Kerajaan Negeri dan Tempatan - Hal-Ehwal Kerajaan mesti meluluskan apa-apa jenis interaksi dengan pegawai kerajaan negeri dan tempatan bagi pihak Lockheed Martin.

- Kerajaan Bukan A.S. - Patuhi dasar korporat ketika menghubungi Pegawai Kerajaan Bukan A.S. untuk meyakinkan mereka bahawa aktiviti mereka adalah dibenarkan dantidak melanggar undang-undang dan peraturan tempatan.

- Sumbangan Politik Individu - Sesetengah undang-undang negeri dan tempatan mungkin menyekat, mengehadkan atau memerlukan pendedahan sumbangan politik peribadi yang dibuat oleh pekerja individu atau ahli keluarga terdekat mereka.

### ■ DIBENARKAN

- Anda digalakkan untuk:
  - Menyertai Jawatankuasa Tindakan Politik' Pekerja Lockheed Martin, sekiranya anda layak.
  - Mengambil bahagian secara peribadi dalam hal ehwal sivik dan proses politik menggunakan masa lapang anda sendiri, dan dengan menggunakan wang sendiri.
  - Menyokong parti politik dan calon politik yang anda pilih.

## Dasar Utama

- CPS-004 Aktiviti Politik
- CPS-005 Operasi Antarabangsa
- CPS-008 Hadiah, Keraian, Budi Bahasa Perniagaan Lain dan Tajaan
- CPS-045 Hal Ehwal Kerajaan
- CPS-730 Pematuhan dengan Undang-Undang Antirasuah
- CRX-251 Sumbangan Amal

## Siapakah yang harus saya hubungi sekiranya saya mempunyai masalah, soalan atau kebimbangan?

Secara umum, mulakan dengan membincangkan situasi dengan penyelia atau pengurus anda. Sekiranya soalan anda tidak praktikal atau jika pengurus anda tidak dapat membantu menyelesaikan masalah yang anda hadapi, anda bertanggungjawab untuk terus menyuarakan masalah tersebut dan mencari jalan penyelesaian.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila layari laman web Tatakelakuan Etika dan Perniagaan untuk menyemak risalah "Cara Proses Etika Berfungsi" kita.





# Penerimaan dan Perakuan

VERSI PENRIMAAN DAN PERAKUAN BERCETAK HANYA DITUJUKAN KEPADA PEKERJA YANG SEDANG MEMBACA VERSI SALINAN KERAS DOKUMEN INI.

SEMUA PEKERJA DENGAN AKSES KEPADA PENGURUSAN PEMBELAJARAN KITA AKAN MENGISI PERAKUANINI DALAM TALIAN.

Saya memperakui bahawa saya telah membaca, memahami dan akan mematuhi Menetapkan Piawai, Kod Etika dan Tatakelakuan Perniagaan Lockheed Martin. Saya faham bahawa setiap pekerja, ahli Lembaga Pengarah, perunding atau pekerja buruh kontrak Lockheed Martin, atau ejen lain yang mewakili atau bertindak bagi pihak Syarikat bertanggungjawab untuk mengetahui dan mematuhi prinsip dan piawai di dalam Tatakelakuan ini. Saya juga faham bahawa pelanggaran Tatakelakuan ini akan menyebabkan tindakan pembetulan, yang mungkin mengakibatkan tindakan disiplin sehingga dan termasuk pemecatan.

Tandatangan: \_\_\_\_\_


Nama Dalam Huruf Besar: \_\_\_\_\_

Nombor Pekerja (jika berkenaan): \_\_\_\_\_

Syarikat: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_ Lokasi: \_\_\_\_\_

Hubungi Bahagian Sumber Manusia atau Pejabat Etika untuk arahan penyerahan borang ini dan pengurusan untuk rekod pelengkapannya. Jika anda bukan pekerja Lockheed Martin hubungi titik hubungan Lockheed Martin anda.





LAKUKAN PERKARA BETUL • HORMATI ORANG LAIN • BERPRESTASI CEMERLANG



TATAKELAKUAN ETIKA  
DAN PERNIAGAAN

KECEMERLANGAN DATANG DARI INTEGRITI

**LOCKHEED MARTIN** 